

Usaha banteras penerokaan haram beri hasil positif

Ipo: Usaha membantaras penerokaan haram di Perak melalui Jawatankuasa Khas (JK) Selang dan Usaha Haram yang ditubuhkan kerajaan negeri tahun lalu, mula menampakkan hasil apabila statistik kebasahan usaha haram di negeri ini dikurangkan kepada 8,000 hektar, berbanding 60,000 hektar sebelum ini.

Menteri Besar Perak, Daim Se-ri Ahmad Faizal Azumu, berkata kerajaan negeri sentiasa memberi perhatian serius dalam usaha menangani isu ini melalui tindakan penyelesaian dan penguatkuasaan efektif yang turut disokong kerjasama pelbagai pihak.

Katanya, walaupun peruntukan mengikut Seksyen 425 Kanun Tanah Negara memberi kuasa kepada Pentadbir Tanah mengambil tindakan penguatkuasaan, kerajaan negeri juga memperluaskan langkah membantaras usaha haram secara rasional, berhemah dan realistik supaya tanah dapat dibangunkan secara optimum.

Beliau berkata, pendekatan dan penerapan kaedah secara keterbukaan juga memperlihatkan keprihatinan menyelesaikan usaha tanpa izin berkenaan yang boleh dibuat melalui penekanan usaha. Selain pemudahan kawasan, khususnya bagi penerokaan tanah kerajaan untuk keperluan sara diri.

"Antara perimbangan kerajaan negeri adalah meluluskan pemberian hak milik secara terus kepada pengusaha terbabit, selain menggalakkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) negeri memberi sewaan kepada pengusaha berkecayaan semantara tanah itu belum dibangunkan.

"Lesen Pendudukan Sementara baru diperkenalkan, selain meluluskan pejabat dan sewaan di atas tanah rizab seperti ke-lulusan tiga kawasan di Ipoh yang divizahkan bagi projek pertanian bandar, serta Program Perikanan Bandar di beberapa ko-lam lombang sekitar daerah

Kampar," katanya.

Ahmad Faizal yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kawatiran Keselamatan Tanah Sewan Asli, Perancangan Ekonomi, GLC dan Integrasi Nasional negeri berkata pemerkasaan turut diluluskan terhadap Bahagian Perancangan di Pejabat Tanah dan Galian (PTG) yang berpertanian sebagai unit pusat kawalan serantau atau *Command Centre*.

Katanya, ia khusus untuk mengawal pemindahan bahan baruan dan mineral keluar dari negeri Perak secara haram, selain mengawal serta memantau kegiatan penerokaan haram di atas tanah kerajaan.

"Peranan *Command Centre* terbukti berkesan apabila berjaya mengurangkan ketirisan hasil negeri di samping perannya yang dikuratif apabila memenangi Anugerah Keua Seniusaha Negara dalam Majlis Persada Inovasi Perkinudmatan Awam tahun 2016 peringkat Kebangsaan selain anu-

garah emas dalam Regional Innovation Showcase On Team Excellence (RISTEX) 2020 anjuran Malaysian Productivity Corporation," katanya.

Katanya lagi penggunaan sistem komputer bersepadu secara dalam talian melalui projek e-Tanah diyakini akan meningkatkan kecekapan penadbiran tanah dan tenaga kerja lebih efektif melalui pemusatan segala urusan berkaitan tanah.

Beliau berkata projek itu akan diselaraskan di seluruh pentadbiran tanah, termasuk daerah kecil di Perak, membabitkan kos RM160 juta.

Bagi hasil negeri melalui kutipan hasil tanah, Ahmad Faizal berkata, peningkatan dipatankan saban tahun sejak 2009 iaitu RM376.1 juta sehingga RM638 juta pada tahun 2019.

Dalam pada itu, Ahmad Faizal berkata sebanyak 17 kawasan di bawah Rancangan Tanah FELDA diwartakan mengikut Akta Tanah

(Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, dengan hak milik tanah secara individu dikeluarkan kepada 5,776 peneroka.

Katanya, ia sebagai usaha mam-baan meningkatkan sosioekonomi rakyat dalam memastikan kelangsungan sumber pendapatan mereka serta tempat tinggal dengan kerjasama daripada pihak FELDA.

Katanya, jumlah Tanah Rizab Negeri yang sudah diwartakan di Negeri Perak adalah seluas 930,326 hektar atau 45.07 peratus daripada luas keseluruhan Negeri Perak.

"Pihak Berkuasa Negeri sentiasa memastikan jumlah Tanah Rizab Melayu di Negeri Perak mencapai 45 peratus daripada keluasan negeri Perak.

"(Sebagaimana maklum) Perak adalah negeri kedua di Malaysia yang mempunyai keluasan tertunggai bagi tanah diwartakan se-bagai tanah rizab Melayu," ka-tanya.